

Rujukan Kami (Our Ref.) : UMP.02.01/10.12/2/1 (11)

30 Jun 2016

**Dekan / Pengarah / Ketua Jabatan
Ketua Timbalan Pendaftar/ Timbalan Pendaftar
Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang**

Tuan / Puan,

SURAT EDARAN:

**MAKLUMAN POLISI TIDAK MENERIMA HADIAH AGENSI KELAYAKAN
MALAYSIA (MALAYSIAN QUALIFICATIONS AGENCY, MQA)**


Dengan hormatnya saya merujuk surat daripada MQA.500-2/14/2 (8) bertarikh 24 Mei 2016 berkaitan perkara di atas.

2. Bersama - sama ini dikemukakan surat tersebut untuk makluman dan tindakan tuan/puan berhubung polisi tidak menerima hadiah selaras dengan hasrat MQA untuk menjadi agensi pertama di Malaysia dan agensi pertama di dunia mendapat pengiktirafan ISO 37001 *Anti Bribery Management System*.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



(SABAREHAN BINTI HAJI ISMAIL)
Pemangku Timbalan Pendaftar
Bahagian Khidmat Pengurusan
b.p Pendaftar

s.k.:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Peyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Pendaftar

Bendahari

Ketua Pustakawan



Flexible Education. Beyond Borders. Creating The Future

Ruj. Kami : MQA.500-2/14/2(8)

Tarikh : 24 Mei 2016

Semua Pemberi Pendidikan Tinggi
Semua Ahli Panel Penilai
Semua Pembekal

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan


MAKLUMAN POLISI TIDAK MENERIMA HADIAH AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MALAYSIAN QUALIFICATIONS AGENCY, MQA)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. MQA telah menandatangani Ikrar Integriti Korporat (Corporate Integrity Pledge, CIP) pada 17 Mei 2016. Ikrar ini telah ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif, MQA dengan YBhg. Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) disaksikan oleh Yang Berhormat Datuk Mary Yap Kain Ching, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi.

3. Ini adalah salah satu usaha dan komitmen sukarela MQA sebagai tanda pengisytiharan menentang gejala rasuah. MQA juga komited dan berazam untuk mewujudkan persekitaran penyampaian perkhidmatan yang berprinsip tinggi tidak terhad kepada warga MQA sahaja malah meliputi semua pihak berkepentingan. Ia merupakan usaha besar MQA dalam mematuhi dan merealisasikan lima prinsip Ikrar Integriti Korporat.

4. Sehubungan dengan itu, Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT), Ahli Panel Penilai (APP) yang dilantik dan pembekal barangan atau perkhidmatan dimohon agar mematuhi dan menghormati pelaksanaan Polisi Tidak Menerima Hadiah. Pematuhan kepada polisi ini meliputi tindakan bagi PPT dan pembekal tidak memberi sebarang hadiah, manakala warga MQA dan APP pula tidak menerima sebarang hadiah atas segala urusan rasmi yang dilaksanakan. Ini adalah selaras dengan hasrat MQA untuk menjadi agensi pertama di Malaysia dan agensi jaminan kualiti pertama di dunia mendapat pengiktirafan ISO 37001 Anti-Bribery Management System.



5. Sekiranya pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan memerlukan maklumat lanjut berhubung dengan Polisi Tidak Menerima Hadiah yang diamalkan oleh MQA, sila berhubung dengan pegawai di Seksyen Integriti iaitu Puan Hanisah binti Amran di talian 03-7968 8813 atau melalui emel:hanisah@mqa.gov.my.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



(NORASIKIN BINTI YAHYA)
Ketua Unit Integriti dan Penguatkuasaan
b.p: Ketua Pegawai Eksekutif
Agensi Kelayakan Malaysia

No. Telefon : 03-7968 7013
No. Faks : 03-7954 2185
E-mel : norasikin@mqa.gov.my

s.k. Semua Pengarah Bahagian dan Ketua Unit
Agensi Kelayakan Malaysia